

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK WIRA DR. MOHD HATTA
BIN MD. RAMLI [LUMUT]**

TARIKH : 27 JULAI 2020

SOALAN

YB. DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [LUMUT] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha MOTAC untuk merencanakan industri pelancongan khususnya Pulau Pangkor pasca COVID19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa mempromosikan Malaysia secara giat sebagai destinasi pelancongan yang utama. Antara langkah yang diambil untuk merangsangkan industri pelancongan negara adalah dengan mengadakan promosi bersama dengan syarikat penerbangan asing melalui program '*Joint International Development Tourism Programme*' (JITDP) iaitu program pembangunan pakej pelancongan antarabangsa di antara Tourism Malaysia dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

2. Kerjasama dengan semua syarikat penerbangan tempatan seperti Malaysia Airlines, Air Asia, Malindo Air, MasWings dan Fire Fly turut dijalinkan bagi mempromosikan destinasi pelancongan dalam negara. Pejabat Tourism Malaysia di luar negara turut memainkan peranan dalam mempromosikan Malaysia melalui penyertaan pameran pelancongan, aktiviti-aktiviti promosi melalui laman media sosial serta sesi libat urus dengan pihak-pihak yang berkenaan.

3. Bagi merancakkan industri pelancongan di Negeri Perak, khususnya di Pulau Pangkor, MOTAC sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perak, badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) serta sektor dalam melaksanakan promosi produk pelancongan di pulau tersebut. Antara aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan ialah:

(i) penyertaan di *PATA Dream to Travel Festival 2020* oleh agensi pelancongan, hotel dan produk dari Perak dengan mengetengahkan pakej-pakej pelancongan untuk Pulau Pangkor, Ipoh, Royal Belum dan Kuala Kangsar. Program yang berlangsung secara maya ini bermula dari 22 Jun hingga 17 Julai 2020;

NO. SOALAN : 21

- (ii) promosi Kempen Pelancongan Domestik- Cuti-Cuti Malaysia melalui media elektronik milik Kerajaan dan swasta seperti promosi di rancangan TV dan rangkaian radio pelbagai Bahasa milik RTM;
- (iii) penganjuran program Penyerahan Sijil Pematuhan Garis Panduan Amalan Terbaik Produk Pelancongan di Negeri Perak Pasca COVID-19 yang turut melibatkan pemilik produk pelancongan daripada Pulau Pangkor pada 1 Julai 2020 di Hotel Casuarina Meru, Ipoh;
- (iv) bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perak berkaitan inisiatif mewujudkan 1,500 keping *Travel Vouchers #TravelPerakLah* Pasca Covid 19 yang telah menghimpunkan baucer promosi daripada hotel-hotel penginapan dan produk-produk pelancongan menarik sekitar Perak termasuk di Pulau Pangkor. Pelancaran bagi inisiatif ini telah diadakan di Kellies' Castle, Perak pada 18 Jun 2020;
- (v) menganjurkan program *Business To Business (B2B)* pada 3 Julai 2020 di The Haven Hotel, Ipoh, Perak. Keseluruhan peserta adalah seramai 120 orang yang terdiri dari wakil-wakil agensi pelancongan dari pelbagai negeri seperti Kuala Lumpur, Penang, Selangor dan juga pemilik produk-produk pelancongan di Perak termasuk dari Pulau Pangkor;
- (vi) bagi penganjuran POP (*Pride of Perak*) *Travels - Cer Citer*, iaitu pertandingan bercerita secara digital melibatkan penceritaan terhadap kawasan, tokoh tempatan, sejarah, warisan, seni dan budaya negeri Perak. Pertandingan ini telah diadakan bermula 30 Jun 2020 sehingga penghujung bulan Ogos 2020 dan terbuka kepada semua pemandu pelancong warganegara Malaysia yang berlesen di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan menjalankan perkhidmatan di negeri Perak;
- (vii) penganjuran Webinar Perak Online Tourism Symposium 2020 yang telah diadakan pada 11 April 2020 secara maya.

NO. SOALAN : 21

- (viii) penerbitan Booklet 'Pakej MYexperience' yang mengandungi 500 pakej-pakej 'niche' / pakej-pakej minat khas yang komprehensif termasuk pakej pelancongan pulau dan pantai dari Negeri Perak dan pakej Pulau Pangkor khususnya turut ada ditawarkan di dalam booklet tersebut;
- (ix) Mengadakan *Familiarization Trip* (Fam Trip) ke Pulau Pangkor bagi membuat liputan serta penggambaran;
- (x) Mempromosikan Pulau Pangkor sebagai pulau bebas cukai (PBC) yang telah mendapat pengisytiharan status PBC secara rasmi pada 1 Januari 2020; dan
- (xi) Memuatnaik rakaman video program-program kesenian-kesenian tradisional yang menjadi identiti negeri Perak seperti Rebana Perak, Dabus, Belotah, Kuih Limas dan kesenian masyarakat orang asal ke dalam laman media sosial MOTAC dan agensi-agensi di bawah seliaannya dalam mempromosikan produk-produk seni negeri Perak ini kepada masyarakat di luar negeri Perak.

Sekian, terima kasih.